

Research

*A Study on Problems of Baku Pronunciation among
Yala Islamic University (YIU) Students*

Assumani Maso

Abstract

The Baku pronunciation is the standard of Malayu language. It is an essential factor in Malayu teaching as it indicates the speaker's language proficiency. YIU students' Baku pronunciation is non-standard and requires improvement. The problem was examined through Baku pronunciation of vowels and consonants both by Thai-speaking students and Pattani dialect-speaking students. Sound units were also analyzed. It is concluded that the Baku pronunciation problem among YIU students was resulted from the effects of their native language in their daily life. Baku is only applied in typical situations.

Keywords: Baku, YIU students



บทความวิจัย

ศึกษาปัญหาการออกเสียงบากของนักศึกษามหาวิทยาลัยอิสลามยะลา

แอสศุมานี มะโซะ

บทคัดย่อ

การออกเสียงบากเป็นการออกเสียงที่เป็นมาตรฐานในภาษามลายู เป็นปัจจัยที่สำคัญในการเรียนการสอนภาษามลายู เป็นสิ่งที่บ่งชี้ว่าผู้พูดมีความเชี่ยวชาญในภาษา สำหรับนักศึกษามหาวิทยาลัยอิสลามยะลาความสามารถในการออกเสียงบากยังไม่ได้มาตรฐาน ต้องมีการปรับปรุงพัฒนาให้ดีขึ้น ปัญหาการออกเสียงบากได้สังเกตทั้งนักศึกษาที่พูดภาษามลายูและภาษาไทย โดยออกเสียงบาก ส่วนของเสียงสระ เสียงพยัญชนะ และวิเคราะหหน่วยเสียง สรุปว่าปัญหาการออกเสียงบากสำหรับนักศึกษามหาวิทยาลัยอิสลามยะลา เกิดจากอิทธิพลของภาษาที่หนึ่งที่นักศึกษาที่ใช้ในชีวิตประจำวัน การออกเสียงบากนั้นจะใช้ในสถานการณ์ที่เป็นแบบเท่านั้น

คำสำคัญ: บาก, นักศึกษา มหาวิทยาลัยอิสลามยะลา



Masalah Pengajaran Sebutan Baku Bagi Pelajar Universiti Islam Yala

Assumani Maso

ABSTRAK

Sebutan baku atau sebutan standard merupakan aspek yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Ia boleh mencerminkan seseorang itu sudah menguasai bahasa Melayu Melayu atau tidak kerana kefasihan seseorang itu tergantung kepada sebutannya. Bagi pelajar Universiti Islam Yala, penguasaan sebutan baku masih tidak memuaskan dan perlu kepada mendedah kepada perubahan yang lebih baik. Bagi sebutan baku yang masih gagal pada kalangan pelajar akan dilihat kepada beberapa faktor. Yang pertama, golongan pelajar yang dibuat pemerhatian iaitu pelajar yang bertutur bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dan satu golongan lagi ialah pelajar yang bercakap bahasa Thai. Yang kedua, aspek sebutan baku pula dilihat pada sebutan vokal, sebutan konsonan dan analisis fonemis. Kesalahan sebutan baku di kalangan pelajar Universiti Islam Yala dapat dirumuskan bahawa pelajar dipengaruhi dengan bahasa pertama mereka kerana bahasa pertama lebih rapat dengan penggunaan harian mereka sedangkan sebutan baku itu hanya digunakan dalam majlis yang formal sahaja

Keyword: Baku, pelajar Universiti Islam Yala



Pendahuluan

Pengajaran bahasa Melayu di Selatan Thailand sudah berkurun dimulakan ini terbatas kepada murid Melayu sahaja. Manakala tempat diajarnya iaitu di sekolah-sekolah agama, balai-balai atau di masjid. Tujuan pengajaran tersebut adalah untuk muridnya menguasai bahasa Melayu. Dengan penguasaan bahasa Melayu maka murid-murid ini boleh mendalami pelbagai ilmu khususnya ilmu agama.

Sehubung dengan itu, hasil dari pengajaran bahasa melayu pada kalangan murid di sini agak berbeza mengikut institusi yang mereka pelajari dan lingkungan yang mereka berada. Di samping itu, pembelajaran bahasa melayu terhenti apabila mereka sudah tamat belajar. Apa yang pentingnya, mereka itu sudah mempunyai asas dalam bahasa Melayu pada satu peringkat.

Walau bagaimanapun, Apabila kita melihat kedudukan pengajaran bahasa Melayu di Universiti Islam Yala secara umumnya beberapa perkara yang menarik telah muncul:

1.Mahasiswa bahasa Melayu sangat berbeza latar belakang. Pihak Jabatan Bahasa Melayu membahagi mahasiswa kepada dua kelompok melalui ujian keterampilan bahasa. Pelajar yang tidak lulus akan diwajibkan mengambil Kursus Intensif Bahasa Melayu manakala pelajar yang lulus itu tidak diwajib.

2.Wujudnya sikap pelajar yang menganggap mata pelajaran bahasa Melayu itu tidak penting dengan tidak mengambil berat berbanding dengan mata pelajaran lain.

3.Pelajar masih keliru antara bahasa Melayu baku dengan bahasa dialek dari segi perkataan mahu pun sebutan.

Ini adalah antara fenomena-fenomena yang amat ketara yang menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran, hasil-hasilan yang diharapkan dan teknik-teknik mengajar tidak memuaskan.

Konsep Sebutan Baku

Apabila kita bercakap tentang bahasa Melayu baku, maka ada beberapa komponen seperti tatabahasa, ejaan, laras bahasa, istilah, ejaan dan laras yang tercakup dalam bahasa baku. Oleh hal yang demikian, bahasa baku bermaksud bahasa yang betul dari segi tatabahasa, ejaan, laras, istilah dan sebutan. Seperti yang dinyatakan di atas, aspek sebutan menjadi satu komponen dalam bahasa baku. Dalam pembinaan dan pengembangan bahasa Melayu sebagai bahasa yang standard dan moden, aspek sebutan baku amat penting. Sesuatu bahasa tidak boleh dikatakan baku atau standard, kalau sebutannya masih tidak teratur dan kucar kacir.

Sebutan pula, menurut Abdul Aziz Abdul Talib (1988) ialah cara menyebut atau membunyikan sesuatu perkataan. Sebutan yang standard ialah cara sesuatu perkataan itu disebut menurut cara rasmi dalam sesuatu bahasa. Dengan kata lain, sebutan baku bahasa Melayu bermakna cara rasmi membunyikan atau melafazkan sesuatu perkataan menurut ejaan baku bahasa Melayu atau menurut nilai bunyi bahasa Melayu.

Lazimnya, setiap bahasa mempunyai sistem bunyi atau fonologi yang tersendiri. Oleh itu, sistem bunyi bahasa Melayu sudah tentunya mempunyai bentuk bunyi yang tersendiri yang pasti berbeza daripada sistem



sebutan bahasa Inggeris, Cina, Tamil, Iban ataupun Thai.

Mengikut prinsip fonemik bahasa Melayu, vokal, konsonan dan diftong yang terdapat dalam bahasa Melayu dibunyikan seperti berikut:

(i) Vokal /a/ dilafazkan [a] pada mana posisipun, sama ada di awal, di tengah atau di akhir perkataan seperti dalam [a + bah], dan [su + ka].

(ii) Vokal /e/ yakni /e/ taling atau /e/ pepet dilafazkan menurut bunyi asal sesuatu perkataan itu seperti dalam [sə + ma?] dan [se + ma?] serta [pə + raŋ] dan [pe + raŋ]

(iii) Vokal /i/ dilafazkan [i] dan bukan [e] seperti dalam perkataan [pi + lih] dan bukan [pi + leh].

(iv) Vokal /o/ di lafazkan [o] seperti dalam perkataan [to + loŋ].

(v) Vokal /u/ dilafazkan [u] dan bukan [o] seperti dalam kata [su + luh] dan bukan [su + loh].

(vi) Diftong /ai/, /au/, /oi/ harus dibunyikan sebagai satu lafaz dalam satu suku kata seperti dalam perkataan [pa + kai], [ka + lau] dan [se + poi].

(vii) Semua konsonan mempunyai satu nilai bunyi seperti [p] dalam [pintu], [b] dalam [batu], [t] dalam [talam] dan sebagainya. Gugusan konsonan yang terdapat dalam bahasa Melayu, iaitu /gh/, /kh/, /ng/, /ny/ dan /sy/ dibunyi dengan satu nilai bunyi walau pun dilambangkan oleh dua huruf. Huruf /k/ pula dibunyikan dua cara, iaitu [k] dan [?]. Lambang

[?] digunakan untuk melambangkan hentian glotis seperti dalam perkataan [bu + da?].

Analisis Kegagalan Sebutan

Menurut Abdullah Hassan (1996) menyatakan bahawa sebutan menghadapi dua jenis masalah, pertama dalam bahasa Malaysia itu sendiri dan kedua masalah dari luar. Dari dalam bahasa Malaysia sendiri, terdapat masalah menentukan sebutan baku berbanding dengan sebutan dialek. Sebenarnya kontroversi ini tidak besar. Sebutan kata-kata bahasa Malaysia memang tidak banyak berbeza, yang menjadi perbalahan ialah pada bunyi /a/ pada suku kata akhir terbuka, sama ada patut diucapkan /a/ atau /e/.

Dalam kontek di selatan Thai khususnya di Universiti Islam Yala, sudah kita ketahui bahawa mahasiswa Bahasa Melayu Universiti Islam Yala mempunyai latar belakang yang berbeza. Mereka terpengaruh dengan bahasa Dialek Patani yang menjadi bahasa pertama dan bahasa Thai yang menjadi bahasa rasmi Negara Thai. Pengaruh tersebut memberi kesan langsung terhadap penguasaan bahasa baku atau bahasa standard.

Menurut pemerhatian penulis, pelajar yang berkaitan itu merupakan pelajar Jurusan Bahasa Melayu dan pelajar umum yang mengambil kursus GE 219-803 Bahasa Melayu Komunikasi I dan GE 219-804 Komunikasi II. Pelajar tersebut kalau dibahagikan mengikut latar belakang terbahagi kepada pelajar yang menutur bahasa Melayu dari selatan Thailand dan pelajar yang menutur bahasa Thai yang datang selain daripada selatan Thailand. Walau



bagaimanapun kedua-dua kelompok ini masalah sebutan mereka itu pun berbeza.

Pemerhatian sebutan bahasa Melayu pada kumpulan pertama iaitu pelajar daripada Jurusan Bahasa Melayu sendiri. Pelajar mempunyai pengalaman berbahasa Melayu di sekolah masing-masing. Mereka melalui pembelajaran bahasa Melayu secara langsung iaitu mata pelajaran bahasa Melayu dan juga bahasa Melayu sebagai medium dalam mengantar ilmu-ilmu agama itu secara tidak langsung.

Sehubungan dengan itu, didapati bahawa kebanyakan pelajar tidak nampak kecenderungan yang tinggi untuk menggunakan sebutan baku. Mereka terpengaruh dengan sebutan dialek yang mereka sudah biasa selama ini. Malah, sebutan baku itu perkara yang baharu bagi mereka. Ada beberapa contoh yang penulis akan kemukakan di bawah ini:

Vokal /a/ dilafaz [ɔ] pada suku kata akhir terbuka

Contohnya: bapa disebut [bapɔʔ]

bawa disebut [bawɔʔ]

Vokal /u/ dilafaz [o] pada suku kata akhir tertutup.

Contohnya: bubuh disebut [buboh]

sepuluh disebut [sepuloh]

Vokal /e/ taling dan /e/ pepet itu selalu dikeliru

Contohnya: belok disebut [bəlɔʔ]

enak disebut [ənɔʔ]

Vokal /e/ juga ada dilafaz [a]

Contohnya: perempuan disebut

[parampuan] empat disebut

[ampat]

Disamping itu, sebutan konsonan pun ada kesalahan. Sebagai contoh, /ny/ yang berbunyi

[ɲ] kebanyakan dibunyi [y] seperti dalam

perkataan /banyak/ disebut [bayɔʔ], /r/ dalam

perkataan /beri/ disebut [beɣi] dan perkataan

/nyamuk/ disebut [yamɔʔ].

Manakala pemerhatian terhadap pelajar yang bercakap bahasa Thai yang belajar bahasa Melayu hanya di dalam kelas sahaja. Antara konsonan yang kerap berlaku kesalahan ialah /g/, /j/, /ny/ dan /z/. Konsonan tersebut dilafaz [k], [c], [y] dan [s] mengikut urutan.

Contohnya: pergi disebut [pəɾki]

baja disebut [baca]

nyala disebut [yala]

ziarah disebut [siarah]

Waktu berucap di dalam kelas, tidak sedikit juga pelajar Universiti Islam Yala terus melafazkan bunyi dalam sebutan dialek dengan tidak tahu menyebut dengan sebutan baku. Bunyi-bunyi dialek ini sudah terdapat pengguguran dan penukaran bunyi. Contoh-contoh di bawah ialah perbandingan antara sebutan baku dengan sebutan dialek.

Pengguguran bunyi sengau

kunci disebut [kuci]

angka : [aka]

kuntum : [kutung]

Pengguguran bunyi kosonan selepas bunyi sengau serta gugur konsonan tertutup

bandar disebut [bana]

endol : [ceno]



sambal : [sama]
Pengguguran bunyi /r/ pada suku kata
akhir ๙

benar disebut [bena]
tikar : [tika]
selipar : [selipa]
Penukaran bunyi sengau /m/ dan /n/
kepada /ng/

kuntumdisebut [kutung]
kebun : [kebung]
bangun : [bangung]
penukaran bunyi /as/ menjadi /ah/
luas disebut [luah]
puas : [puah]
panas : [panah]

bahasa Melayu patutlah bagi penutur semua
patuh kepada norma bahasa baku yang
ditetapkan.

Bibliografi:

- Abdullah Hassan. 1996. **Isu-isu Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Malaysia**. KL: DBP.
- Atiah Hj. Mohd. Salleh. 2003. **Pengajaran Bahasa Melayu Untuk Penutur Asing**. KL: DBP.
- Azman Wan Chik. 1993. **Mengajar Bahasa Melayu**. KL: DBP.
- Ismail Bin Dahaman. 2000. **Pedoman Ejaan dan Sebutan Bahasa Melayu**. KL: DBP
- S. Nathesan. 1999. **Pendekatan dan Teknik Pendidikan Bahasa Melayu**. KL: DBP.

Gejala ini boleh diatasi dengan
mendedahkan sebutan baku kepada pelajar
dan juga disertai dengan latihan yang terus
menerus. Manakala guru harus memberi contoh
sebutan yang betul kepada pelajar kerana
proses pengajaran dan pembelajaran itu
berperanan penting, apabila keluar dari kelas
mereka dipengaruhi oleh bahasa tempatan
masing-masing pula.

Kesimpulan

Sudah kita ketahui bahawa bahasa
Melayu di selatan Thailand sedang membangun
dan perlu mengungkapkan segala yang baru
yang ditemuinya. Bagi mereka yang mahir
bahasa Melayu tidak menimbulkan sebarang
masalah. Bagi mereka yang tidak mahir akan
menimbulkan kekacauan terutamanya sebutan
kerana ia memcerminkan kefasihan berbahasa
bagi seseorang. Oleh itu, untuk menyatukan

